

Lawatan PM ke UAE tingkat 60% dagangan dua hala

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**

norizati.isa@mediamuali.com.my

PETALING JAYA: Lawatan kerja-Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) membawa pulang hasil memberangsangkan dengan memperkukuhkan kepercayaan kerajaan UAE dan syarikat utama dari negara Teluk terhadap Malaysia sebagai rakan strategik ekonomi.

Pencapaian utama lawatan itu ialah pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-Emiriah Arab Bersatu (MY-UAE CEPA) yang dijangka meningkatkan jumlah perdagangan dua hala sekurang-kurangnya 60 peratus dalam tempoh lima tahun.

Selain itu, kejayaan ini membuka peluang perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan negara-negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) seperti Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, dan Arab Saudi serta GCC.

Menurut Anwar, lawatan pertama ke luar negara tahun ini membuahkan kejayaan sangat bermanfaat untuk rakyat dan negara.

Katanya, sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia akan memainkan peranan lebih luas dan meningkatkan kerjasama strategik dalam beberapa bidang antaranya ekonomi, pelaburan, pertahanan tenaga boleh baharu, pelancongan, kemampunan dan kecerdasan buatan.

“Ini termasuk meningkatkan sinergi perdagangan dengan negara anggota GCC dan ASEAN.

Lawatan PM ke UAE tingkat 60% dagangan dua hala

Dari muka 1

“Terima kasih UAE, moga bertemu lagi dan kini misi delegasi Malaysia bergerak ke London, United Kingdom dalam usaha untuk memperkukuhkan hubungan strategik antara kedua-dua negara,” kata Anwar.

Pada 2023, UAE merupakan rakan dagang Malaysia yang kedua terbesar di rantau Asia Barat selepas Arab Saudi.

UAE juga merupakan negara kedua terbesar bagi destinasi eksport negara selepas Turkiye dan kedua terbesar bagi sumber import negara selepas Arab Saudi dalam kalangan negara-negara di rantau Asia Barat.

Dalam tempoh sebelas bulan pertama 2024, perdagangan dua hala antara Malaysia dan UAE berjumlah RM39.53 bilion iaitu peningkatan 8.6 peratus dari tahun ke tahun.

Hubungan ini mencerminkan kepentingan strategik UAE sebagai rakan ekonomi utama

Malaysia di rantau tersebut.

Dari aspek aspek pelaburan asing, UAE merupakan antara negara pelabur tertinggi dalam kalangan negara-negara anggota GCC di Malaysia.

Sehingga September 2024, sebanyak 35 projek pembuatan oleh pelabur dari UAE bernilai RM1.51 bilion telah dilaksanakan.

Pelaburan ini juga berjaya mewujudkan sebanyak 2,187 peluang pekerjaan, menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pertumbuhan sektor pembuatan negara.

Lawatan kerja selama tiga hari merupakan lawatan kedua Perdana Menteri ke UAE sejak Oktober 2023 dan lawatan pertama beliau ke luar negara selepas Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN 2025.

Anwar juga menghadiri Minggu Kelestarian Abu Dhabi (ADSW) 2025 atas jemputan Naib Presiden dan Perdana Menteri UAE, Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum yang

juga Pemerintah Dubai.

Beliau turut mengambil kesempatan untuk bertemu tiga pengurusan kanan syarikat utama dan dana kekayaan berdaulat negara itu iaitu Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA), Mubadala dan Masdar.

Antara hasil pertemuan tersebut ialah Masdar merancang pelaburan bersama syarikat tempatan dalam projek tenaga hijau, infrastruktur, bateri utama dan pengukuhan grid tenaga.

ADIA pula berminat menyokong Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, rangka kerja Ekonomi MADANI serta projek di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Mubadala juga memfokuskan kepada pengeluaran gas asli cecair (LNG), infrastruktur berkaitan gas, serta pembangunan hidrogen biru dan teknologi pemerangkapan karbon (CCUS).

ADIA juga merancang untuk menyertai penyusunan semula Malaysia Airports Holdings

Berhad (MAHB) dengan pengalangan pengurusan lapangan terbang seperti di Dubai, Abu Dhabi, Heathrow dan Paris.

Kesan positif daripada lawatan ini akan memberi manfaat kepada seluruh negara serta sokongan kerajaan terhadap penyertaan pelabur UAE dalam projek-projek strategik Malaysia.

Anwar turut bertemu Presiden UAE, Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan yang juga Pemerintah Abu Dhabi serta Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum di Dubai yang dianggap pemudah cara utama dalam kejayaan lawatan ini.

Penyertaan Perdana Menteri bersama barisan pemimpin negara lain di ADSW semalam dilihat bertepatan dengan tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 iaitu Keterangkuman dan Kemampanan.

Beliau turut menghadiri sesi dialog Youth 4 Sustainability (Y4S) iaitu sebahagian daripada program ADSW 2025 untuk golongan belia.